



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**KENYATAAN MEDIA**  
**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH,**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**ISU PENGEBILAN BIL ELEKTRIK TENAGA NASIONAL BERHAD**  
**SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

**02 JUN 2020**

- 
1. Saya telah mengadakan pertemuan dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) di pejabat saya, bagi membincangkan isu berhubung rungutan pengguna mengenai pelaksanaan pengiraan bil anggaran semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pemberhentian semua aktiviti bacaan meter oleh pihak TNB bermula pada 20 Mac 2020 hingga 14 Mei 2020.
  2. Dalam pertemuan ini, pihak TNB telah memberi penjelasan mengenai kaedah pengiraan bil elektrik yang telah diguna pakai sepanjang tempoh tersebut dan didapati bahawa TNB tidak mengenakan caj yang berlebihan kepada para pengguna. Mekanisme pengebilan ini juga telah disemak dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) yang juga hadir dalam pertemuan pada hari ini. TNB memaklumkan, sekiranya terdapat lebih bayaran, ia akan dikredit atau dipulangkan kepada pengguna.
  3. Saya juga ingin memaklumkan bahawa TNB telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah berikut bagi meringankan beban kewangan pelanggan yang terkesan berikutan penularan wabak Covid 19:
    - a. memperkenalkan Pelan Bayaran Mudah Bil Elektrik dari tarikh penerimaan bil sebenar sehingga Disember 2020. Melalui pelan ini, pengguna-pengguna elektrik boleh membuat bayaran bil elektrik bagi penggunaan elektrik sepanjang tempoh PKP secara ansuran sehingga Disember 2020; dan

- b. tiada sebarang aktiviti pemotongan bekalan elektrik akan dilakukan sehingga 31 Julai 2020 sekiranya pengguna elektrik lewat membayar bil elektrik mereka.
4. Sukacita saya memaklumkan juga bahawa sehingga 28 Mei 2020, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM200 juta untuk memberi diskaun kepada pengguna-pengguna elektrik di Semenanjung di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Daripada jumlah tersebut, RM149 juta telah dibelanjakan bagi pemberian diskaun kepada 7.6 juta pengguna rumah kediaman manakala bakinya kepada pengguna-pengguna komersial dan industri.
  5. Pengguna yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai mekanisme pengebilan sepanjang tempoh PKP ini boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai bil-bil mereka di Kedai Tenaga di seluruh negara yang dibuka sepenuhnya mulai hari ini, 1hb Jun 2020. Selain itu, pengguna-pengguna elektrik yang mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian TNB Careline 1-300-88-5454 yang beroperasi setiap hari (8 pagi hingga 5 petang) dan saluran digital Facebook TNB Careline. Saya juga telah berbincang dan pihak TNB bersetuju memudahkan urusan pengguna.
  6. Sekiranya pengguna masih tidak berpuas hati, mereka boleh membuat aduan secara terus kepada Suruhanjaya Tenaga melalui Sistem eAduan (<https://bit.ly/eaduanST>), talian telefon 03-8870 8800 atau e-mel [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my)
  7. Saya berharap agar melalui langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian saya, Suruhanjaya Tenaga dan Tenaga Nasional Berhad sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada para pengguna elektrik dalam menghadapi cabaran berikutan penularan wabak Covid 19.
  8. Apa-apa perkembangan terbaru akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH,  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI.  
02 JUN 2020**